

Penuh azam teringat keluarga **keluarga**

Oleh Hamizah Bâdiran
hamizah@mediaprima.com.my
Serdang

Kesusahan keluarga serta minat menda-lam terhadap bidang sosial dan kemanusiaan menjadi pemangkin serta pembakar semangat kepada Izni Mohd Sabri, 23, untuk berjaya sehingga melayak-kannya menerima Anugerah Graduan Cemerlang Keselu-ruhan pada Konvokesyen Program Kerjasama Univer-siti Putra Malaysia (UPM) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), di sini, semalam.

Anak kelahiran Shah Alam, Selangor, itu mena-matkan pengajian selama ti-ga tahun di peringkat Dip-loma Pembangunan Manusia dengan mengumpul Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.59.

Menurut pelajar Kolej Tek-



IZNI (tengah) berkongsi kegembaraan dengan keluarganya, semalam.

FOTO: ROSDAN WAHID

nologi Timur ini, keadaan ba-pa, Mohd Sabri Jelani, 52, yang bekerja sebagai kerani

selain ibu, Sadariah Hussin, 51, tidak bekerja mendorong dia mengubah nasib keluarga

dengan belajar bersung-guh-sungguh bagi mendapat pekerjaan yang baik.

“Ayah saya bekerja sebagai kerani yang perlu menang-gung semua perbelanjaan rumah serta kami empat beradik. Sebagai anak sulung, saya memahami kea-daan ayah dan kerana tidak mahu menyu-sahkannya, saya mengamalkan sikap berjermat-cermat.

“Setiap hari, saya belanja RM7 hingga RM10 untuk sarapan dan makan malam manakala kebiasaannya saya tidak makan tengah hari.

“Wang biasiswa yang di-terima daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA) ber-jumlah RM630 sebulan saya gunakan sebaiknya untuk perbelanjaan pengajian dan peribadi,” jelasnya yang di-temui selepas majlis konvokesyen di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Ke-

senian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSA-AS).

Izni yang kini menyam-bung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang sama di UPM amat berterima ka-sih kepada keluarganya yang sentiasa ada di sisi menyokongnya selama ini.

FAKTA
Graduan
cemerlang belanja
RM7 dan RM10
sehari, tak makan
tengah hari

Menurutnya, dari segi kaedah belajar, dia menga-malkan kaedah belajar secara berhemah selain memastikan dirinya duduk di barisan depan setiap kali kelas diadakan.

“Selepas tamat pengajian ijazah nanti, saya akan ber-usaha keras untuk mencari pekerjaan yang baik bagi membalas jasa ibu-bapa dan menolong adik-beradik lain,” katanya.